

# BENGKEL "MICROSCIENCE" UNESCO/ISESCO

Pada 24 Jun 2009, UMS telah terpilih sebagai tuan rumah bagi Bengkel 'Microscience' yang bertempat di Sekolah Sains dan Teknologi. Bengkel yang berlangsung selama 3 hari ini merupakan projek global UNESCO dengan kerjasama ISESCO yang bertujuan untuk memajukan pendidikan dalam sains asas melalui penggunaan "*microscience kits*" bagi membolehkan pelajar sekolah rendah dan menengah rendah membuat eksperimen dalam subjek kimia, fizik dan biologi. Seramai 30 orang guru kimia daripada Sarawak, Labuan dan juga Sabah telah menyertai bengkel ini. Turut hadir bersama adalah 3 orang pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial iaitu Dr. Hj. Mohd Zaki Ishak, Cik Crispina Gregory K Han dan En. William Taylor. Ceramah disampaikan oleh Dr. Alexandre Pokrovsky, penasihat IOCD serta Prof. Norita Mohamed dan Prof. Madya Zurida Hj. Ismail, dari Universiti Sains Malaysia.

